

**ANALISIS KAUSATIF BAHASA MELAYU BERDASARKAN  
KORPUS MENGGUNAKAN PENDEKATAN MINIMALIS**

**SITI KHAOTIJAH BINTI MOHAMMAD**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2004**

**ANALISIS KAUSATIF BAHASA MELAYU BERDASARKAN  
KORPUS MENGGUNAKAN PENDEKATAN MINIMALIS**

**oleh**

**SITI KHAOTIJAH BINTI MOHAMMAD**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor**

**Falsafah**

**Jun 2004**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah. Dengan rahmat dan izinNya akhirnya tesis ini dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditentukan.

Di sini dirakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya dalam banyak perkara sehingga siapnya tesis ini khasnya kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang telah memberi peluang untuk saya melanjutkan pengajian ke peringkat ini dan membiayai yuran pengajian saya. Terima kasih kepada semua pihak di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah mengambil saya sebagai pelajar di pusat pengajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Prof. Zaharin Yusoff sebagai Dekan di Pusat Pengajian Sains Komputer dan Prof. Madya Dr. Tang Enya Kong sebagai Penyelaras di Unit Terjemahan Melalui Komputer yang membenarkan saya sebagai kakitangannya untuk meneruskan pengajian dengan segala kelonggaran beban tugas sebagai seorang Pegawai Perancang Bahasa di unit ini serta membenarkan saya menggunakan segala kemudahan yang ada di unit ini sepanjang tempoh pengajian saya.

Penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Zahrah Abd. Ghafur sebagai Penyelia yang telah memberikan banyak bimbingan, nasihat, ilmu, tunjuk ajar yang sangat berguna dalam usaha saya ini.

Terima kasih daun keladi diucapkan kepada semua kakitangan di UTMK, terutama Sab yang banyak membantu dalam kajian yang berkaitan dengan perkomputeran, Liza, Azimah, Tan, Kak Ana, Kak Mimi, Bali, Yee Churn yang memberi pendapat dan semangat; kakitangan di PPSK; di IPS serta rakan-rakan seperjuangan.

Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya diucapkan terima kasih kepada semua ahli keluarga yang memberikan sepenuh kasih sayang dan sokongan. Kepada arwah mak, bapa, Kak Ju dan Adik Linda disedekahkan al-Fatihah.

## **KANDUNGAN**

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SINGKATAN	ix
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii

### **BAB 1**

#### **PENDAHULUAN**

1.1 Permasalahan	1
1.2 Definisi	4
1.3 Kajian Lepas	12
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Kaedah Kajian	15
1.6 Manfaat Kajian	18
1.7 Skop Kajian	19
1.8 Organisasi Kajian	20
Nota	22

### **BAB 2**

#### **PENDEKATAN PROGRAM MINIMALIS SECARA UMUM**

2.1 Pengenalan	23
2.2 Konsep-konsep Penting dalam Pendekatan Minimalis	24
2.2.1 Reka bentuk	24

2.2.1.1	Paras Perwakilan	25
2.2.1.1.1	Bentuk Logik	25
2.2.1.1.2	Bentuk Fonetik	29
2.2.1.2	Spell-out	30
2.2.1.3	Sistem Pengiraan	30
2.2.2	Syarat Persemukaan	31
2.2.2.1	Interpretasi Penuh	32
2.2.2.2	Prinsip Unjuran BL	33
2.2.2.3	Pertemuan	33
2.2.3	Leksikon dan Fitur	33
2.2.3.1	Leksikon	33
2.2.3.2	Fitur dan Penyemakan Fitur	38
2.2.4	Binaan Struktur	40
2.2.4.1	Gabung	40
2.2.4.1.1	Gabungan	40
2.2.4.1.2	Inkoporat	43
2.2.4.2	Gerak	44
2.2.5	Prinsip Ekonomi Penerbitan Kata	44
2.2.5.1	Gerakan Terpendek	45
2.2.5.2	Prokrastinat	48
2.2.5.3	Tamak	50
2.2.5.4	Sedikit Usaha	51
2.2.5.5	Jalan Akhir	52
2.3	Proses Penerbitan Kata dan Sistem Perkomputeran	52
2.4	Konsep-konsep Lain yang Digunakan Dalam Kajian	58

2.4.1	Struktur Argumen	58
2.4.2	Prinsip Unjuran	60
2.4.3	Struktur X-palang	61
2.4.4	Prinsip Theta	67
2.4.5	Prinsip Kasus	70
2.4.6	Prinsip Tambatan	71
2.4.7	Prinsip Kuasaan	76
2.5	Kesimpulan	80
	Nota	81

### BAB 3

#### KAUSATIF MORFOLOGIKAL BAHASA MELAYU

3.1	Pengenalan	82
3.2	Kausatif Morfologikal	84
3.3	Kausatif Morfologikal bahasa Melayu	87
3.3.1	KK Berimbuhan {men_kan}	90
3.3.1.1	{Men_kan} + KK	91
3.3.1.2	{Men_kan} + KAdj	109
3.3.1.3	{Men_kan} + KBil	121
3.3.1.4	{Men_kan} + Nafi	129
3.3.2	KK Berimbuhan {men_i}	133
3.3.2.1	{Men_i} + KK	134
3.3.2.2	{Men_i} + KAdj	138
3.3.3	KK Berimbuhan {men_}	142
3.3.3.1	{Men_} + KK	143

3.3.3.2 {Men_}+ KAdj	147
3.3.3.3 {Men_}+ KBil	151
3.3.3.4 {Men_} + KN	155
<b>3.4 Kesimpulan</b>	<b>159</b>
<b>Nota</b>	<b>160</b>

## BAB 4

<b>KAUSATIF ANALITIS DAN KAUSATIF LEKSIKAL DALAM BAHASA MELAYU</b>	
<b>4.1 Pengenalan</b>	<b>161</b>
<b>4.2 Kausatif Analitis</b>	<b>162</b>
<b>4.2.1 Kausatif Analitis Bahasa Melayu</b>	<b>164</b>
<b>4.2.1.1 Bentuk P{Nom, Dat, Acc}</b>	<b>171</b>
<b>4.2.1.2 Bentuk P{Nom, Acc}</b>	<b>175</b>
<b>4.2.1.3 Bentuk P(Nom, Obj)</b>	<b>180</b>
<b>4.3 Kausatif Leksikal</b>	<b>184</b>
<b>4.3.1 Kausatif Leksikal dalam Bahasa Melayu</b>	<b>187</b>
<b>4.4 Kesimpulan</b>	<b>195</b>
<b>Nota</b>	<b>196</b>

## BAB 5

### ANALISIS KAUSATIF MORFOLOGI SECARA BERKOMPUTER

<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>197</b>
<b>5.2 Atur cara Parser Sebab Akibat (SAP) Versi 1.0</b>	<b>197</b>
<b>5.2.1 Ciri-ciri Atur cara SAP</b>	<b>215</b>
<b>5.2.2 Rekabentuk Atur cara SAP</b>	<b>222</b>

5.2.3 Rasional Atur cara SAP	224
5.3 Analisis Kausatif Kata Kerja yang Berimbuhan {men_kan}	224
5.4 Analisis Kausatif Kata Kerja yang Berimbuhan {men_i}	229
5.5 Analisis Kausatif Kata Kerja yang Berimbuhan {men_}	231
5.6 Kesimpulan	232
Nota	235
 BAB 6	
PENUTUP	236
 RUJUKAN	246
LAMPIRAN	248
GLOSARI	267
ISTILAH	271

## **SINGKATAN**

A	Ayat
AGR	Agremen
AGRo	Agremen Objek
AGRs	Agremen subjek
BF	Bentuk Fonetik
BL	Bentuk Logik
FAgr	Frasa Agremen
FD	Frasa Determiner
FINFL	Frasa Infleksi
FK	Frasa Kerja
FKala	Frasa Kala
FKomp	Frasa Komplemen
FN	Frasa Nama
FPrep	Frasa Preposisi
INFL	Infleksi
KAdj	Kata Adjektif
Kala	Tense
KK	Kata Kerja
KN	Kata Nama
Komp	Komplemen
KPrep	Kata Preposisi

ANALISIS KAUSATIF BAHASA MELAYU BERDASARKAN KORPUS  
MENGGUNAKAN PENDEKATAN MINIMALIS

ABSTRAK

Kajian tentang binaan struktur kausatif ini merupakan satu kajian yang berkaitan dengan bentuk ayat bahasa Melayu yang mengandungi kata kerja kausatif dalam bentuk kata kerja kompleks mahupun ayat-ayat yang mempunyai dua kata kerja. Isu yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah bahawa bentuk kausatif bahasa Melayu bukan sahaja dapat dilihat pada bentuk imbuhan {me\_kan} dan {me\_i} tetapi juga terdapat dalam bentuk-bentuk lain. Oleh itu kajian ini akan mengetengahkan satu kajian bentuk binaan kausatif dengan menggunakan pendekatan Program Minimalis iaitu satu teori nahu yang mengandaikan bahawa nahu sesuatu bahasa harus diperikan berdasarkan set minimum perkakasan yang bersifat teori dan deskriptif. Kajian ini akan memperlihatkan tiga bentuk binaan kausatif dalam bahasa Melayu iaitu, (i) kausatif morfologikal; (ii) kausatif analitis; dan (iii) kausatif leksikal. Kausatif morfologikal merupakan bentuk kausatif yang diperolehi dengan digabungkan secara morfologi kata dasar kata kerja peristiwa dengan morfem terikat. Manakala kausatif analitis ialah kausatif yang melibatkan dua kata kerja dalam satu ayat. Kausatif leksikal pula ialah bentuk kausatif yang diterbitkan daripada kata kerja intransitif yang sepadan. Sebagai satu permulaan, pola dan bentuk kausatif bahasa Melayu yang telah diperolehi dalam kajian ini, diharap dapat dijadikan petua bagaimana menjanakan ayat-ayat kausatif bahasa Melayu secara tradisional mahupun secara analisis berkomputer.

# A CORPUS BASED ANALYSIS OF MALAY CAUSATIVES USING THE MINIMALIST APPROACH

## ABSTRACT

A study of causative structure construction is a study of Malay sentences that have a causative verb in complex word form or sentences that have two verbs. The issue that is highlighted in this study is that Malay causative form does not only appear in {me\_kan} and {me\_i} form but also in other forms. For this reason, this study propounds an analysis of Malay causative using the minimalist approach. This approach is a theory of grammar whose core assumption is that grammars should be described in terms of the minimal set of theoretical and descriptive apparatus necessary. From this study three Malay causatives construction are obtained, that is (i) morphological causative; (ii) analytical causative; and (iii) lexical causative. Morphological causative is a causative form that is obtained by morphologically combining a verb root that expresses some event with a bound morpheme. While the analytical causative is a form of sentence that has two verbs in one sentence. Lexical causative is a causative form that is derived from an intransitive verb corresponding to it. As a start, we hope that the pattern and form of Malay causatives that we have obtained in this study, could be used as a rule to generate Malay causative sentences using the traditional method as well as computational analysis.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1. 1 Permasalahan

**Kausatif** dapat difahamkan sebagai suatu bentuk binaan ayat yang menunjukkan hubungan antara **sebab** dengan **akibat** dalam sesuatu **peristiwa** yang menyebabkan berlakunya perubahan fizikal pada objek. Dalam dunia linguistik bahasa Melayu belum banyak lagi kajian-kajian yang memperkatakan secara khusus tentang kausatif ini. Sehingga hari ini skop ini disentuh secara umum apabila membincangkan tentang fungsi imbuhan {me\_kan} dan {me\_i} serta imbuhan akhiran {\_kan} dan {\_i}. Antaranya ialah yang ditulis oleh Nik Safiah<sup>1</sup>, Asmah<sup>2</sup>, Hashim Musa<sup>3</sup>, Mat Isa Hassan<sup>4</sup>, Halimah Wok Awang<sup>5</sup>, Hj. Jaludin<sup>6</sup>, Henrietta J. Hung<sup>7</sup>, John W.M.Verhaar<sup>8</sup>, Benedict B. Dwijatmoko<sup>9</sup>, Abdullah Hassan<sup>10</sup> dan beberapa orang pengkaji lain.

Walau bagaimanapun, memang tidak dapat dinafikan bahawa salah satu daripada fungsi imbuhan {me\_kan} atau {me\_i} ialah kausatif. Ini dapat ditunjukkan dengan contoh ayat-ayat yang berikut:

- (1) Amiza menjatuhkan pasu.
- (2) Amiza membaiki kereta. /<sup>7</sup>

Ayat (1) dan (2) menunjukkan adanya hubungan sebab dan akibat. Dalam ayat (1) Amiza merupakan sebab pasu jatuh. Akibatnya pasu jatuh. Dalam ayat (2) pula, Amiza merupakan sebab kereta baik dan akibatnya kereta baik (pulih).

Namun demikian daripada analisis data yang dilakukan oleh penulis, kausatif {me\_kan} dan {me\_i} adalah hanya merupakan sebahagian daripada bentuk kausatif dalam bahasa Melayu yang dapat kita lihat. Malah penulis mendapati bahawa tidak semua imbuhan {me\_kan} dan {me\_i} bersifat kausatif. Contoh ayat-ayat yang berikut membuktikan bahawa kenyataan penulis adalah benar.

- (3) Amiza mendapatkan ibunya.
- (4) Panglima mengiringi raja.

Predikat ayat (3) di atas terdiri daripada kata kerja dasar *dapat* dengan imbuhan {men\_kan} yang mendukung makna gerak<sup>10</sup>. Manakala predikat ayat (4) pula terdiri daripada kata kerja dasar *iring* dengan imbuhan {meng\_i} yang mendukung makna menyertai<sup>11</sup>. Berdasarkan makna kausatif, kedua-dua ayat (3) dan (4) di atas jelas tidak menunjukkan adanya hubungan sebab dan akibat dan tidak berlakunya sebarang perubahan fizikal pada objek iaitu *ibunya* dan *raja*.

Di sini timbul persoalan apakah yang menentukan sifat kausatif sesuatu ayat dalam bahasa Melayu. Adakah hanya imbuhan {me\_kan} dan {me\_i} yang menzahirkan sifat kausatif sesuatu ayat, atau hanya imbuhan awalan {men\_} yang mendukung makna kausatif atau bukan imbuhan awalan {men\_} tetapi imbuhan akhiran {\_kan} dan {\_i}, atau sebenarnya perkataan akar itu sendiri yang mendukung makna

kausatif atau mungkin ada bentuk lain selain daripada bentuk morfologi yang boleh digolongkan dalam bentuk kausatif ini?

Persoalan ini diperkuatkan lagi dengan adanya ayat-ayat seperti berikut:

- (5) Haji Mihad mencuci ketulan-ketulan kecil itu.
- (6) Dia bangunkan saya pada jam 7.
- (7) Haji Mihad cuci baju.
- (8) Hal ini telah menyebabkan kemarahannya semakin meluap-luap.
- (9) Pemburu menembak jatuh burung.

Pada pendapat penulis ayat-ayat (5) hingga (9) di atas ialah ayat kausatif kerana ia sepadan dengan makna kausatif yang telah dinyatakan pada awal perbincangan tadi. Dengan kata lain ayat (5) boleh mengentel ayat (10), ayat (6) mengentel ayat (11), ayat (7) mengentel ayat (12), ayat (8) mengentel ayat (13) dan ayat (9) mengentel ayat (14) seperti berikut:

- (10) Ketulan-ketulan kecil itu cuci.
- (11) Saya bangun pada jam 7.
- (12) Baju bersih.
- (13) Kemarahannya semakin meluap-luap.
- (14) Burung jatuh.

Maka daripada persoalan-persoalan inilah yang mendorong penulis untuk menjalankan suatu kajian yang lebih mendalam tentang binaan kausatif dalam bahasa

Melayu berdasarkan korpus dengan menggunakan pendekatan Program Minimalis. Kajian sebegini dirasakan perlu dilakukan terutamanya dalam menangani masalah kajian linguistik bahasa Melayu tentang makna.

## 1.2 Definisi

Kausatif boleh didefinisikan sebagai:

“bentuk transitif kata kerja yang secara kasarnya memberikan makna ‘sebab kepada KK’, di mana KK ialah bentuk intransitif.”<sup>12</sup>

Menurut Asmah<sup>13</sup> kausatif adalah merujuk kepada perbuatan “menyebabkan” yang menyebabkan berlakunya sesuatu peristiwa atau keadaan, misalnya *bunuh* (menyebabkan orang atau binatang mati), *basuh* (menyebabkan bersih), *merahkan* (menyebabkan merah), *bersihkan* (menyebabkan bersih), *pertinggi* (menyebabkan tinggi), dan sebagainya.

Pendapat Asmah ini adalah selaras dengan pendapat Dowty (dalam Barbara H. Partee, 1976, 204-213), yang mengatakan bahawa kata kerja kausatif ialah kata kerja yang wujud dalam bentuk transitif dan mengentel bentuk intransitif. Contohnya dalam ayat:

(15) Haji Syamsuri membuka pintu keretanya.

(16) Pintu keretanya terbuka.

di mana Haji Syamsuri melakukan perbuatan membuka pintu kereta menyebabkan pintu kereta terbuka.


Dengan kata lain binaan ayat dua-argumen (15) berkenaan diterbitkan daripada binaan ayat intransitif satu-argumen (16) melalui operasi kausatif yang berkeupayaan untuk memperkenalkan subjek' agentif<sup>14</sup>. Contoh-contoh lain ialah seperti kata kerja *gerak*, *ubah*, *bina*, *tutup*, *mula*, *henti*, *pecah*, *koyak*, *hidup*, *mati*, *sakit* dan lain-lain. Kata-kata ini mungkin berbeza mengikut pemilihan subjek agentif atau bukan agentif dalam penggunaan intransitif tetapi bagi kata kerja transitif ianya dianggap normal kerana biasanya kata kerja bagi binaan transitif ini mempunyai subjek bernyawa. Di samping itu terdapat beberapa jenis kata kerja transitif tertentu terutamanya dalam bahasa Inggeris yang dari segi sintaksisnya ada hubungan dengan bentuk kata kerja intransitif yang sepadan dan boleh diterbitkan daripada kata kerja transitif ini melalui proses morfologi yang produktif. Contohnya ialah *lay* (iaitu 'make to lie'), *fell* ('make to fall') dan sebagainya. Selain itu terdapat juga sebilangan besar kata kerja transitif yang berkait secara morfologi dengan kata kerja intransitif 'sifatan' seperti perkataan Inggeris *enrich* (*rich*), *soften* (*soft*), *strengthen* (*strong*), *actualize* (*actual*) dan lain-lain lagi. Kebanyakan pola pembentukan morfologi dengan cara awalan dan akhiran ini tidak lagi produktif dalam bahasa Inggeris moden.

Sehubungan dengan definisi di atas Dowty (dalam Barbara H. Partee, 1976, 227-231) telah menggolongkan pengkausatifan ini kepada dua leksikalisis yang bertentangan, iaitu (i) penggunaan perkataan yang berlainan yang mendukung makna sebab dan akibat bagi satu peristiwa dalam ayat transitif dan juga intransitif seperti (*bunuh: mati*) yang dikenali sebagai **kuasatif leksikal**, dan (ii) penggunaan kata yang sama (contoh *gerak*) dalam kedua-dua ayat transitif dan juga intransitif yang dikenali sebagai **kausatif morfologi(kal)**. Daripada perbandingan kausatif leksikal dengan kausatif morfologikal ini, kata transitif *gerak*, *ubah*, *hidup* dan lain-lain boleh

dihuraikan sebagai diterbitkan daripada kata kerja intransitif yang sepadan melalui proses morfologi yang dikenali sebagai ‘modifikasi sifar’.<sup>15</sup> Perlu dijelaskan di sini bahawa, banyak bentuk yang secara tradisional dikatakan wujud sebagai kedua-dua ‘kata adjektif’ dan ‘kata kerja’ termasuk dalam lingkup penggolongan ini.

Manakala dari segi bentuk struktur dalaman pula ayat kausatif, contohnya ayat:

*Haji Syamsuri membuka pintu keretanya* (ayat 15) dapat ditunjukkan dengan menggunakan rajah pohon seperti Rajah 1.1 yang berikut:



Rajah 1.1: Bentuk struktur dalaman ayat kausatif (Dowty dalam Barbara H. Partee, 1976, 205)

Di mana

A1

bermaksud Haji Syamsuri mengakukan sesuatu (A2)

LAKU

A2 menyebabkan sesuatu berlaku (A3))

LAKU      SEBAB

A3                  menjadi sesuatu (A4)

SEBAB            JADIKAN

A4    sesuatu (A5)

JADIKAN

A5 Pintu terbuka

Dari segi hubungan logik pula ayat tersebut dapat ditulis seperti berikut:

AKTAN (e, Haji Syamsuri)

dan seterusnya ditulis

$(\exists P) [(P (\text{Haji Syamsuri})) \text{ SEBAB } (\text{JADIKAN } (\text{Pintu itu terbuka}))]$

di mana SEBAB di sini merupakan hubungan antara dua proposisi iaitu

$P(\text{Haji Syamsuri})$  dan  $\text{JADIKAN } (\text{Pintu itu terbuka})$

dan JADIKAN memetakan proposisi “Pintu itu terbuka” dengan proposisi “Haji Syamsuri membuka pintu” yang boleh dibaca sebagai:

Haji Syamsuri melakukan sesuatu yang menyebabkan pintu terbuka.

Menurut Maria Teresa Guasti<sup>16</sup> pula, ayat-ayat kausatif memberikan gambaran hubungan antara sebab dan akibat dalam sesuatu peristiwa itu. Beliau melihat bentuk kausatif dari dua sudut iaitu, (1) kausatif morfologikal dan (2) kausatif analitis. Kausatif morfologikal diperolehi dengan digabungkan secara morfologi kata dasar kata kerja peristiwa dengan morfem terikat. Proses ini akan melibatkan perubahan subjek dalam

kata kerja tunggal, menjadi objek bagi kata kerja kompleks. Elemen pertama dalam ayat-ayat berbentuk sebegini dinamakan **Penyebab** di mana elemen ini hadir sebelum kata kerja, manakala elemen kedua dinamakan **Penerima Sebab** yang hadir selepas kata kerja. Manakala kausatif analitis pula terhasil daripada ayat-ayat yang mempunyai dua kata kerja di mana kata kerja pertama merupakan kata kerja kausatif dan kata kerja yang kedua merupakan kata kerja yang berfungsi sebagai komplement bagi kata kerja pertama. Contohnya dapat dilihat seperti dalam ayat (17) di bawah:

(17) Allah membenarkan kita mencari kekayaan.  
di mana kata kerjanya ialah 'membenarkan' dan 'mencari'.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Igor Mel'cuk (dalam Comrie, 1993, 1-46), kajian tentang kausatif ini banyak dilakukan ke atas bahasa Bantu. Dalam bahasa Bantu, kausatif merupakan kes yang dikenali sebagai aplikatif di mana ia menambah sesuatu kepada makna proposisi bagi sesuatu kata kerja (yang melibatkan Z dalam perbuatan atau sesuatu yang seakannya). Ia bukan sistem suara seperti aktif atau pasif.<sup>17</sup>

Manakala Andrej A. Kibrik (dalam Comrie, 1993, 47-68) yang mengkaji kekausatifan dalam bahasa Athabaskan menyatakan bahawa, pengkausatifan merupakan satu penambahan argumen agen yang baru kepada PS (struktur-proposisi<sup>18</sup>) asal dalam bentuk tunggal walaupun secara terbitannya ialah PS bukan-asas. Dalam bahasa-bahasa Athabaskan pengkausatifan ialah hasil daripada proses morfologikal yang terbentuk dari kata kerja yang bukan pada asalnya transitif (dari segi hubungan semantiknya ialah AKTAN-GOL). Ianya juga jarang sekali terbentuk dari kata kerja yang pada asalnya agentif. Malah kekausatifan ini terbentuk terutamanya dari kata kerja yang bukan agentif

seperti kata kerja keadaan, proses, dan pencapaian. Yang sering berlaku ialah kekausatifan yang terang-terang menunjukkan perubahan fizikal berlaku kepada sesuatu entiti akibat daripada sesuatu perbuatan itu.

Maka dari definisi-definisi yang diberikan di atas penulis menyimpulkan makna kausatif sebenarnya ialah ayat yang mengandungi kata kerja kausatif (perbuatan sebab<sup>19</sup>) yang mendukung makna menyebabkan berlakunya sesuatu peristiwa atau pertukaran keadaan pada objek, misalnya *bunuh* (menyebabkan sesuatu terbunuh, sama ada bermaya atau tidak; namun perkataan *bunuh* ini selalunya digunakan bagi objek yang bermaya seperti binatang, manusia atau pokok), *basuh* (menyebabkan sesuatu bersih) dan sebagainya.

Seterusnya dari definisi-definisi yang diberikan oleh para sarjana tentang kausatif ini dapat disenaraikan beberapa ciri-ciri universal kausatif:

- i) Ayat itu berbentuk transitif yang boleh mengentel bentuk intransitif.
- ii) Ayat yang terbentuk ialah ayat peristiwa.

Ini dapat dilihat dari contoh berikut:

(18a) Pasu itu jatuh

ialah ayat intransitif yang dientel dari ayat

(18b) Amiza menyebabkan pasu itu' jatuh.

di mana ayat (18b) ialah ayat kausatif dan menceritakan tentang peristiwa *Amiza* menjatuhkan *pasu*.

iii) Predikat ayat terdiri daripada kata kerja kausatif (perbuatan sebab) yang mendukung makna menyebabkan berlakunya sesuatu peristiwa atau pertukaran keadaan pada objek. Contohnya dalam ayat (18b) di atas, perkataan *menyebabkan* ialah perkataan yang mendukung makna yang sedemikian iaitu menyebabkan pasu itu jatuh.

iv) Perubahan berlaku pada frasa nama pada paras fungsian iaitu pada subjek, objek langsung dan objek tak langsung. Kembali kepada contoh ayat di atas.

(18c) Pasu itu jatuh.

## SUBJ

(18d) Amiza menyebabkan pasu itu jatuh.

SUBJ OLangsung

*Pasu* yang berfungsi sebagai SUBJ pada ayat (18c) telah berubah menjadi OLangsung pada ayat (18d).

v) Berlaku proses morfologikal pada paras persempuan Bentuk Logik (BL) (dalam teori Minimalis, paras BL dilihat pada struktur-l) di mana penyatuan kata kerja dasar yang mengandungi makna peristiwa dengan morfem terikat membentuk kata kerja majmuk kausatif. Contohnya ayat:

- 19a) Pasu itu jatuh.  
19b) Amiza menjatuhkan pasu itu.

Kata kerja *menjatuhkan* dalam ayat (19b) ialah hasil proses penyatuan morfologi antara kata kerja dasar *jatuh* dalam ayat (19a) dengan imbuhan {me\_kan}.

i) Ada unsur masa. Contoh-contoh yang diberikan di atas jelas menunjukkan ada unsur masa dalam ayat itu. Dalam ayat (19a-b) di atas masa itu ialah masa peristiwa pasu itu jatuh.

ii) Aktan merupakan pelaku bernyawa. Contohnya ialah Amiza dalam ayat (19b) di atas. Namun tidak dapat dinafikan ada juga contoh-contoh ayat yang sifat Aktannya bukanlah pelaku bernyawa tetapi telah dipersonafikasikan. Oleh itu penulis masih menggolongkan Aktan ini sebagai bersifat yang sedemikian.

iii) Subjek ialah penyebab berlakunya peristiwa yang dinamakan Penyebab dan objek ialah penerima akibat dari perbuatan Penyebab yang dinamakan Penerima Sebab.

Dari definisi-definisi dan huraian-huraian yang diberikan di atas serta dengan berdasarkan data yang diperolehi, maka kita dapat mengakstrakkan bentuk binaan causatif dalam bahasa Melayu kepada tiga bentuk iaitu (i) causatif morfologikal; (ii) causatif leksikal; dan (iii) causatif analitis. Causatif morfologikal merupakan bentuk causatif yang diperolehi dengan digabungkan secara morfologi kata dasar kata kerja peristiwa dengan morfem terikat seperti contoh (19a) dan (19b). Causatif leksikal pula ialah bentuk causatif yang diterbitkan daripada kata kerja intransitif yang sepadan

seperti *bunuh* dan *mati* melalui proses morfologi yang dikenali sebagai ‘modifikasi sifat’. Manakala kausatif analitis ialah kausatif yang melibatkan dua kata kerja dalam satu ayat seperti dalam contoh (17) di mana *membenarkan* sebagai kata kerja kausatif yang sebenar dan *mencari* sebagai kata kerja komplemen yang mempunyai argumennya sendiri iaitu *kekayaan*.

### 1.3 Kajian Lepas

Satu kajian tentang kausatif bahasa Melayu/Indonesia telah dijalankan oleh Benedict B. Dwijatmoko yang bertajuk “The Causative in Indonesia”<sup>20</sup>. Dalam kajian itu, beliau mencuba menerangkan hubungan ayat yang berbeza hanya kerana adanya dan tidak adanya imbuhan akhiran {\_kan} seperti ayat (20) dengan (21) berikut:

- (20) Rita membelikan Rudi buku;
- (21) Rita membeli buku untuk Rudi;

Dan antara ayat (22) dengan (23) berikut:

- (22) Rita menidurkan Diana; dengan
- (23) Diana tidur.

Kesamaannya hanya terkandung dalam kata akar bagi kata kerja-kata kerja tersebut. Dengan ini bellau secara tidak langsung cuba menolak pendapat yang menyatakan bahawa imbuhan akhirah {\_kan} ialah satu bentuk kausatif dalam bahasa Indonesia yang menjadi penentu hubungan kausatif atau hubungan benefaktif. Sebagai

contoh imbuhan {\_kan} dalam *membelikan* dikatakan menunjukkan hubungan benefaktif manakala dalam *menembakkan* dan *menidurkan* pula imbuhan tersebut dikatakan menunjukkan hubungan kausatif. Ini adalah kerana pada pendapat Benedict (2002) analisis seperti ini gagal untuk menunjukkan kesamaan sintaksis dan semantik terutamanya yang hadir dalam pasangan ayat-ayat itu.

Dengan mengguna pakai pendekatan Prinsip dan Parameter, Benedict telah menjadikan imbuhan akhiran {\_kan} sebagai infleksi. Menurut beliau dalam pendekatan Prinsip dan Parameter ini, sebagai infleksi, imbuhan yang mengepalai frasa dinamakan frasa kausatif (FKausatif). Maka dalam pengolahan imbuhan akhiran {\_kan} sebagai kepala frasa, imbuhan awalan ragam juga dilihat sebagai mengepalai frasa iaitu Frasa Klausa Kata Kerja(FKlausakK). Oleh itu ayat kerjaan dalam bahasa Indonesia ialah FKlausakK yang mungkin mengambil FK atau FKausatif sebagai komplemennya. FKausatif juga boleh menjadi komplemen atau adjung atau FK atau kategori lain yang menjadi komplemen bagi FKlausakK.

Dari kajian beliau ditunjukkan yang perbezaan antara hubungan kausatif dan hubungan benefaktif dalam ayat adalah kerana berbezanya fungsi bagi sesuatu FKausatif itu. Suatu FKausatif itu menunjukkan hubungan kausatif bila ianya menjadi komplemen bagi suatu FKlausakK, dan menunjukkan hubungan benefaktif bila ianya menjadi adjung bagi kata kerja yang mengambil FN sebagai komplemennya. Bila suatu FKausatif menjadi komplemen bagi FK, ianya juga menunjukkan hubungan kausatif tetapi kedua aktan bagi perbuatan kausatif dan objek penyebab merujuk kepada orang yang sama.

Benedict memilih pengolahan imbuhan akhiran {\_kan} sebagai infleksi kerana bagi beliau pengolahan sebegini dapat menerangkan kesamaan pasangan ayat secara sintaksis. Hujahan beliau ialah kerana setiap pasangan ayat mempunyai FK yang sama dan merupakan elemen leksikal utama. Manakala perbezaannya pula terkandung dalam fungsi FKausatif itu. Selanjutnya, beliau juga menekankan teori bahawa ayat hasilan merupakan aplikasi siri bagi komplemen adjung dan spesifikasi. Beliau merumuskan bahawa ayat kerjaan dalam bahasa Indonesia sepadan dengan FKlausKK. FKlausKK mungkin mengambil FK atau FKausatif, manakala FK mungkin mengambil FN, FKausatif atau kategori lain, dan FKausatif mungkin mengambil FK atau kategori lain. Hasil daripada proses itu ialah struktur-d bagi ayat dengan aplikasi bagi a-Kesan, dan boleh ditukarkan ke struktur-1.

Walaupun begitu, kajian beliau hanya terhad kepada bentuk kausatif imbuhan akhiran {\_kan}. Banyak lagi bentuk kausatif dalam bahasa Melayu yang tidak disentuh. Melihat pada kekurangan inilah maka penulis akan mengkaji bentuk-bentuk kausatif dalam bahasa Melayu terutamanya yang diguna pakai di Malaysia termasuklah bentuk kausatif imbuhan {\_kan} dengan menggunakan pendekatan Program Minimalis yang merupakan lanjutan dari pendekatan Prinsip dan Parameter.

Di samping kajian Benedict, kajian penulis juga banyak berpandukan kepada kajian-kajian kausatif untuk bahasa-bahasa lain terutamanya kajian yang telah dijalankan oleh Maria Teresa Guasti dalam bukunya yang bertajuk Causative and Perception Verb: A Comparative Study. Beliau juga menggunakan teori Prinsip dan Parameter sebagai pendekatan untuk menghuraikan bentuk kata kerja kausatif dan

bentuk kata kerja Persepsi bagi bahasa seperti Itali, Perancis dan bahasa Bantu iaitu bahasa Chichewa.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk menilai beberapa bentuk kausatif bahasa Melayu dan menghuraikan strukturnya mengikut pendekatan Program Minimalis. Ianya meliputi bentuk kausatif dan predikat kausatif dengan pelengkapnya. Dengan cara ini dapat dibuat pengesahan sama ada dalam bahasa Melayu wujud bentuk-bentuk kausatif morfologikal, analitis dan leksikal sebagaimana yang telah lama diterima umum dalam bidang linguistik. Di samping itu kajian ini mencuba melihat apakah ianya memenuhi ciri-ciri universal yang diakstrakkan di atas.

#### **1.5 Kaedah Kajian**

Dalam kajian ini penulis menggolongkan kaedah yang dijalankan kepada dua bentuk iaitu (i) kaedah untuk menentukan bentuk kausatif; dan (ii) kaedah untuk menganalisis bentuk kausatif itu berdasarkan teori. Dalam proses menentukan bentuk-bentuk kausatif bahasa Melayu beberapa peringkat pemprosesan data dijalani. Tatacaranya ialah seperti yang berikut:

- (1) Pengumpulan data perkataan bagi kausatif morfologikal dan leksikal dengan cara:-

- (a) mengumpulkan data perkataan yang berimbuhan men\_ yang diambil dari Kamus Dewan, Edisi Ketiga,
- (b) menggolongkan bentuk kata kerja perkataan-perkataan tersebut kepada beberapa penggolongan kata kerja berdasarkan definisi yang diberikan,
- (c) menyenaraipendekkan data hanya kepada golongan kata kerja sebab (kata perbuatan sebab - kps),
- (d) memisahkan antara kata kerja kompleks yang diperolehi yang digabungkan secara morfologi kata dasar kata kerja peristiwa dengan morfem terikat di mana kata dasar itu mendukung makna kausatif (digolongkan dalam bentuk kausatif morfologikal) dengan kata kerja yang tidak mengalami apa-apa perubahan dari segi morfologi tetapi makna kausatifnya diterbitkan daripada kata kerja intransitif yang sepadan (digolongkan dalam bentuk kausatif leksikal), dan
- (e) membuat analisis statistik data berdasarkan tipologi.

(2) Pengumpulan data ayat bagi kausatif analitis dengan cara:-

- (a) mengumpulkan ayat-ayat yang mempunyai dua kata kerja berdasarkan novel-novel yang dipilih, dan
- (b) menyenaraipendekkan ayat-ayat kepada hanya bentuk ayat-ayat yang memenuhi ciri-ciri kausatif mengikut definisi kausatif analitis.

Seterusnya bentuk-bentuk kausatif yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan beberapa kaedah dalam Program Minimalis terutamanya kaedah Gerak dan Gabung yang melibatkan operasi Gabungan dan Inkorporat dalam mengkaji kausatif morfologikal dan kausatif analitis dalam bahasa Melayu. Kaedah Inkorporat ialah operasi

yang menghasilkan perkataan kompleks dari unsur-unsur asas, manakala Gabungan ialah operasi yang menggabungkan dua kategori dalam satu kategori. Contoh operasi inkorporat yang diguna pakai untuk menganalisis bentuk kausatif morfologikal dalam kajian ini ialah penghasilan perkataan kausatif *membesarkan* dengan menggerakkan dan mengabungkan kategori KK {men\_kan} dan kategori KAdj *besar* di bawah kategori FK.

Bagi analisis bentuk kausatif analitis pula, operasi yang diguna pakai ialah operasi Gabungan. Misalnya rangkaian kata *menendang bola masuk* adalah terdiri daripada dua rangkaian kata iaitu *menendang bola* dan *bola masuk*. Melalui operasi ini {bola, masuk} digabungkan menjadi *bola masuk*. Kemudian *bola* digerakkan ke posisi lebih atas untuk bergabung dengan {menendang} dan meninggalkan tikas pada posisi asal untuk membentuk rangkaian kata *menendang bola masuk*.

Manakala untuk melihat kausatif leksikal penulis akan meminjam kaedah analisis yang telah dilakukan oleh Dowty seperti mana yang telah penulis terangkan dalam bahagian 1.2. Ini adalah kerana bentuk kausatif ini tidak dapat ditunjukkan dengan operasi-operasi dalam MP kerana ianya terhasil dari modifikasi sifar. Kata kerja kausatifnya tidak mengalami apa-apa perubahan dari segi morfologi maupun dari segi sintaksisnya. Kata kerja kausatif bentuk ini mendukung makna kausatifnya secara abstrak seperti mana contoh perkataan *bunuh* yang mendukung makna ‘menyebabkan sesuatu mati’.

## 1.6 Manfaat Kajian

Kajian kausatif dalam bahasa Melayu mempunyai beberapa manfaatnya yang tersendiri. Antara manfaatnya ialah kajian sebegini dapat memperluaskan lagi bidang kajian linguistik bahasa Melayu tentang makna. Di samping itu, kajian ini diharapkan akan memperluaskan skop makna kausatif bahasa Melayu sebagai satu skop makna yang penting. Ini adalah kerana selama ini kajian-kajian yang sedia ada hanya memperkatakan secara sepintas lalu tentang skop ini apabila membincangkan tentang imbuhan {me\_kan} dan {me\_i}.

Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa bentuk kausatif bahasa Melayu bukan hanya didukung oleh bentuk kata kerja yang menerima imbuhan {me\_kan} dan {me\_i}, malah boleh juga didukung oleh bentuk-bentuk lain. Bentuk-bentuk itu ialah bentuk kata kerja yang menerima imbuhan {me\_}, bentuk leksikal kata kerja itu sendiri dan bentuk kata kerja kompleks seperti kata *mencuci*, *membunuh* dan *menendang masuk*. Di samping itu kajian sebegini dapat menentukan pola morfologi kata kerja kausatif dan pola ayat kausatif itu sendiri.

Selain itu, kajian kausatif dengan menggunakan pendekatan Program Minimalis akan menjadikan kajian linguistik sebagai satu kajian yang bersifat objektif lagi saintifik. Pertama ia mempunyai set aksiom iaitu perkara-perkara yang dipercayai atau diandaikan benar. Kedua ia mempunyai set konsep atau hukum iaitu langkah-langkah yang digunakan untuk mentabirkan fakta-fakta lain.

Rumusan yang diperolehi dari kajian ini dapat diterapkan dalam penghuraian linguistik berkomputer supaya pengujian dapat dibuat dengan jumlah data atau korpus yang besar. Hasil kajian pula dapat digunakan untuk memperbaiki lagi teori-teori yang diajukan untuk bidang bahasa itu sendiri, mahupun untuk aspek pengkomputeran bahasa.

## 1.7 Skop Kajian

Dalam kajian ini penulis akan membincangkan semua bentuk binaan ayat kausatif bahasa Melayu yang mungkin. Bentuk ini termasuklah yang didukung oleh kata dasar dengan imbuhan {me\_(kan/i)} yang wujud dalam kata kerja transitif aktif. Di samping itu penulis juga akan melihat bentuk kausatif bagi ayat yang mengandungi dua kata kerja seperti menendang masuk dan lain-lain lagi.

Data yang digunakan dalam kajian ini adalah diambil dari Kamus Dewan Edisi ketiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995 dan tiga buah novel iaitu Imam tulisan Abdullah Hussain, Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1995, Empangan oleh Zakaria Ali, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991 dan Hujan Debu oleh Rosmini Shaari, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991. Kamus Dewan digunakan untuk penulis mengabstrak semua bentuk men\_ yang berkemungkinan mendukung makna kausatif. Dari lebih kurang 3 000 contoh {men\_} yang diperolehi, sejumlah 843 perkataan dasar yang menerima imbuhan men\_ yang mendukung makna kausatif. Manakala novel-novel digunakan untuk mendapatkan contoh-contoh ayat bahasa Melayu yang bersifat kausatif.

## 1.8 Organisasi Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama. Bab 1 merupakan bahagian pendahuluan. Dalam bab ini, dibentangkan permasalahan kajian, definisi, kajian lepas, tujuan kajian, kaedah kajian, manfaat kajian, skop kajian dan organisasi kajian.

Bab 2 merupakan bahagian teori atau metode kajian yang diaplikasikan dalam tesis ini. Dalam bab ini diuraikan secara menyeluruh tentang beberapa konsep penting pendekatan Program Minimalis (MP) oleh Chomsky dan juga beberapa konsep lain yang terdapat dalam pendekatan Prinsip dan Parameter juga oleh Chomsky yang digunakan dalam kajian ini.

Bab 3 dan 4 merupakan bahagian analisis bentuk-bentuk ayat kausatif bahasa Melayu. Bab 3 ialah bahagian yang menganalisis bentuk kausatif morfologikal bahasa Melayu. Bahagian ini mengetengahkan analisis kata kerja yang berimbuhan {me\_kan}, {me\_i} dan {men\_} dengan menggunakan pendekatan MP.

Bab 4 merupakan bahagian analisis bentuk kausatif analitis dan kausatif leksikal bahasa Melayu. Dalam bahagian analisis kausatif analitis dibincangkan beberapa bentuk kata kerja kompleks dalam bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan MP. Manakala bahagian analisis kausatif leksikal pula dibincangkan bentuk kata kerja yang mendukung makna kausatif secara abstrak dengan menggunakan pendekatan Dowty.

Bab 5 pula merupakan bahagian analisis kajian yang terakhir. Bahagian ini menganalisis bentuk kausatif morfologikal bahasa Melayu secara berkomputer dengan menggunakan atur cara yang dinamakan SAP (PARSER SEBAB AKIBAT).

Hasil daripada analisis yang dijalankan ke atas aspek-aspek yang disebutkan di atas dan rumusan dari keseluruhan perbincangan tesis ini akan disimpulkan dalam Bab 6 iaitu bahagian penutup. Di dalam bahagian ini juga dikemukakan masalah yang dihadapi sepanjang penyelidikan dan juga penyelidikan lanjut yang perlu dijalankan.

**Nota:**

<sup>1</sup> Lihat Nik Safiah, dll, 1994, hal. 194-197.

<sup>2</sup> Lihat Asmah, 1993, hal. 137-141.

<sup>3</sup> Lihat Hashim Musa, 1993, hal. 227-281.

<sup>4</sup> Lihat Mat Isa Hassan, 1993, 114-121.

<sup>5</sup> Lihat Abdullah Hassan, 1987, hal. 60-62.

<sup>6</sup> Lihat Hj. Jaludin, 1995, hal. 64-98

<sup>7</sup> Lihat Henrietta J. Hung.

<sup>8</sup> Lihat John W.M.Verhaar.

<sup>9</sup> Lihat Benedict B. Dwijatmoko, 2002.

<sup>10</sup> Abdullah Hassan melihat bentuk kausatif ini pada imbuhan akhiran {\_kan} dan {\_i}. Lihat Abdullah Hassan, 1974, hal. 97-100.

<sup>11</sup> Makna gerak di sini dapat difahamkan sebagai kata yang mengandungi makna perbuatan gerak yang merujuk pada perbuatan bergerak dari satu titik ke titik yang lain bagi pelakunya (lihat Asmah, 1993, hal. 98).

<sup>12</sup> Akhiran \_i ini mendukung pengertian arah atau tempat yang diimbuhkan kepada kata dasar yang berupa kata kerja transitif dan tak transitif. Dikatakan bahawa akhiran \_i merupakan akhiran tempat, kerana dalam ayat objek bagi kata kerja yang berkenaan ialah kata nama yang yang merujuk kepada tempat atau ran perbuatan itu dilakukan (lihat Asmah, 1993, hal. 138).

<sup>13</sup> Lihat Terence Parsons, 1990, hal.106.

<sup>14</sup> Lihat Asmah, 1993, hal. 95.

<sup>15</sup> Lihat Lyons, 1986, hal. 396-97.

<sup>16</sup> Lihat Lyons, 1986, hal. 396-97.

<sup>17</sup> Lihat Maria Teresa Guasti, 1993, hal. 3-5

<sup>18</sup> Lihat Bernard Comrie & Maria Polinsky, 1993, hal. 11.

<sup>19</sup> Lihat Bernard Comrie & Maria Polinsky, 1993, hal. 49.

<sup>20</sup> Istilah perbuatan sebab digunakan oleh Asmah dalam bukunya Nahu Melayu Mutakhir, 1993.

<sup>21</sup> Lihat Benedict B. Dwijatmoko, The Causative in Indonesia, dalam kertas kerja untuk International Symposium on Malay/Indonesia Linguistics, 3-5 Ogos 2002, Riau, Indonesia.

## BAB 2

### PENDEKATAN PROGRAM MINIMALIS SECARA UMUM

#### 2.1 Pengenalan

Salah satu daripada komponen fakulti bahasa ialah prosedur generatif (bahasa-I) yang menjanakan penghuraian struktural bagi setiap sifat kompleks termasuk semantik dan fonetik berdasarkan teori. Penghuraian struktural ialah ekspresi bahasa/linguistik manakala teori ialah nahu bahasa. Teori dan ekspresi yang dijanakan ialah Nahu Universal (Universal Grammar- UG) iaitu teori bagi keadaan permulaan A° (Ayat) bagi komponen yang relevan dengan fakulti bahasa.

Dengan kata lain secara umumnya bahasa dibenamkan dalam sistem perlaksanaan yang membolehkan ekspresinya digunakan untuk tindakan pertuturan, interpretasi, rujukan, pertanyaan, refleksi dan lain-lain. Oleh yang demikian penghuraian struktural boleh dianggap sebagai arahan kompleks bagi sistem perlaksanaan dan menyediakan maklumat yang relevan dengan fungsinya.

Terdapat dua jenis sistem perlaksanaan iaitu perceptual-artikulasi (articulatory-perceptual (A-P)) dan kesengajaan-konseptual (conceptual-intentional (C-I)) yang menghuraikan maklumat bahasa dalam dua paras linguistik. Paras-paras itu ialah paras persemukaan A-P dan C-I yang menyediakan arahan bagi sistem perceptual-artikulasi

dan kesengajaan konseptual. Paras A-P dikenali sebagai Bentuk Fonetik (BF) dan C-I sebagai Bentuk Logik (BL).

Berbalik kita kepada konsep bahasa itu sendiri iaitu bahasa mengandungi dua komponen iaitu leksikon dan sistem perkomputeran (perkiraan). Leksikon mengkhususkan unsur-unsur yang masuk dalam sistem perkomputeran dengan sifat kebiasaannya. Lantas sistem perkomputeran menggunakan unsur-unsur itu untuk menjanakan proses penerbitan kata dan penghuraian struktural. Seterusnya proses penerbitan kata bagi ekspresi linguistik tertentu melibatkan pemilihan unsur dari leksikon dan perkiraan yang membina pasangan perwakilan persemukaan (Chomsky, 1995, 235-236).

Justeru itu, semua proses yang disebutkan di atas dapat diperikan oleh satu teori yang dikenali sebagai Program Minimalis (Minimalist Program - MP) yang telah dipelopori oleh Chomsky pada pertengahan 90-an.<sup>1</sup> MP ialah teori nahu yang mengandaikan bahawa nahu sesuatu bahasa harus diperikan berdasarkan set minimum perkakasan yang diperlukan yang bersifat teori dan deskriptif (Radford, 1997, 515). Hipotesis pendekatan ini ialah; (1) tidak harus ada sebarang elemen yang tidak diperlukan dalam satu teori linguistik; (2) sistem perkomputeran bahasa ( $C_{HL}$ ) beroperasi secara optimum; dan (3) oleh itu  $C_{HL}$  direka supaya outputnya ‘berbentuk-baik’ dan bersifat ‘ekonomi’ secara semula jadi (Chomsky, 1995,-5).<sup>2</sup>

Dengan kata lain MP menentukan sifat penghuraian struktural dan perwakilan simbolik yang memasukinya. Ia menentukan paras persemukaan BF dan BL dengan set